



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)
KENYATAAN TAWARAN TENDER PELUPUSAN (JUALAN SISA)
ASET ALIH KERAJAAN



1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL.	KETERANGAN ASET	KOD BIDANG	TARIKH, MASA DAN TEMPAT LAWATAN ASET	PEMBELIAN DOKUMEN TENDER	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP TAWARAN
1.	JBPM/IP/PGN: 400(S)-13/5/322 <i>Fire Rescue Tender (FRT)</i> Nissan Diesel No. Pen. Kenderaan : WCB9753 No. Siri Pendaftaran Aset : KPKT/JBPM196/D-TM-1/H/89/1	221902	Tarikh : 21 Januari – 3 Februari 2025 Masa : 9.00 pagi hingga 3.00 petang Tempat : Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan Bandar Baru Tunjung, Jalan Pasir Mas – Salor, 15100 Kota Bharu, Kelantan Penyelaras Lawatan Tapak : Encik Mohd Emyzan Bin Mohd Apandi (09-7444444)	Tarikh: 21 Januari – 3 Februari 2025 Masa: 9.00 pagi hingga 3.00 petang Tempat : Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan Bandar Baru Tunjung, Jalan Pasir Mas – Salor, 15100 Kota Bharu, Kelantan BAYARAN RM50.00 (Setiap Dokumen Tender) Wang TIDAK akan dikembalikan Wang Pos/ Bank Draf atas Nama : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan Penyelaras Dokumentasi : Tuan Hj. Zaidi Bin Mohamed (09-7444444)	Tarikh Tutup : 3 Februari 2025 Masa : 12.00 tengah hari Tempat : Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan Bandar Baru Tunjung, Jalan Pasir Mas – Salor, 15100 Kota Bharu, Kelantan
2.	JBPM/IP/PGN: 400(S)-13/5/322 <i>Fire Rescue Tender (FRT)</i> Nissan Diesel No. Pen. Kenderaan : WEJ6012 No. Siri Pendaftaran Aset : KPKT/JBPM196/D-PM-1/H/96/1				
3.	JBPM/IP/PGN: 400(S)-13/5/322 <i>Remote Operated Vehicle (ROV) / Underwater Remote Operated Vehicle</i> No. Siri Pendaftaran Aset : KPKT/JBPM196/D-KB-4/02/28				
4.	JBPM/IP/PGN: 400(S)-13/5/322 <i>Remote Operated Vehicle (ROV) / Underwater Remote Operated Vehicle</i> No. Siri Pendaftaran Aset : KPKT/JBPM196/D-KB-4/02/29				
5.	JBPM/IP/PGN: 400(S)-13/5/322 <i>Morita 46 Meter Super Gyro Ladder / ISUZU CXZ18QS MLE6 45R</i> No. Pen. Kenderaan : WEK1296 No. Siri Pendaftaran Aset : KPKT/JBPM196/D-KB-4/H/95/1				

2. **Kaedah jualan sisa bermaksud Aset Alih yang tidak boleh digunakan dalam bentuk dan fungsi asalnya.** Kaedah jualan sisa tidak boleh didaftarkan semula dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). JBPM akan memaklumkan kepada pihak JPJ untuk pembatalan pendaftaran kenderaan selepas proses jualan sisa selesai.
3. Jualan sisa ini juga boleh disertai oleh Syarikat atau orang perseorangan.
4. Aset akan dijual kepada syarikat yang menawarkan harga tertinggi dan tertakluk kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 221902 [Barang Lusuh (Perlu Permit)].
5. Pendaftaran syarikat bagi kod bidang 221902 [Barang Lusuh (Perlu Permit)] adalah tertakluk kepada Permit Polis (Pol.104a) di Negeri-negeri yang menguatkuasakan Lesen Akta Barang Lusuh 1946.
6. Petender hendaklah dikehendaki menyertakan deposit tender sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM10,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit tender hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Bank Draf sahaja atas nama **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan dan perlu dibayar berasingan kepada kenyataan Tawaran Tender yang dikemukakan.**
7. Tawaran tanpa/ kurang deposit tender tidak akan dipertimbangkan.
8. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*). Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
9. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh petender yang berjaya.
10. Petender yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh 14 hari dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari, deposit tender tidak akan dikembalikan.
11. Petender yang berjaya perlu menyelesaikan bayaran taksiran semula cukai kepada pihak KASTAM.
12. Petender yang berjaya perlu menyelesaikan proses pembatalan pendaftaran atau pertukaran hak milik kenderaan bersama-sama dengan wakil JBPM di Cawangan JPJ.
13. Petender yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh tujuh (7) hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.
14. Kenyataan tawaran tender ini juga dipaparkan di dalam web <https://www.bomba.gov.my>

**KETUA PENGARAH,
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT, MALAYSIA,
LEBUH WAWASAN, PRESINT 7,
62250 PUTRAJAYA**